

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJUNG MALIM]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah wang yang dipinjam oleh rakyat dengan syarikat Kredit Komuniti dan Pemberi Pinjam sepanjang tahun 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod dari bulan Januari 2021 sehingga Jun 2021, jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada peminjam oleh syarikat kredit komuniti (Pemberi Pinjam Wang) yang berlesen di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah dianggarkan berjumlah RM2.2 bilion. Jumlah ini termasuk pinjaman kepada individu dan syarikat. Jumlah bagi pinjaman individu sahaja adalah sebanyak RM700 juta iaitu 32.1% dari jumlah keseluruhan pinjaman.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPKT kini sedang dalam tindakan untuk mengumpul maklumat pinjaman daripada syarikat kredit komuniti bagi bulan Julai sehingga Disember 2021.

Sekian, terima kasih.